

Polis tahan seorang lelaki, rampas syabu, heroin bernilai RM3 juta

18/8/16
mls 16

Pangsapuri jadi stor bungkus dadah

GEORGE TOWN – Tindakan licik seorang lelaki yang menjadikan bilik tidur rumahnya sebagai stor membungkus dadah sintetik terbongkar selepas kediamannya di sebuah pangsapuri di Jelutong di sini diserbu polis kelmarin.

Dalam serbuan yang dilakukan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri mulai pukul 11 malam itu, suspek lelaki berusia dalam lingkungan 30-an diberkas ketika sedang leka membungkus dadah dipercayai jenis syabu dan heroin.

Semasa pemeriksaan dilakukan, suspek yang dikatakan tinggal seorang diri di



ANGGOTA polis melakukan pemeriksaan di pangsapuri dihuni suspek yang dijadikan stor membungkus dadah di Jelutong, George Town kelmarin.

rumah berkenaan dikatakan memberi kerjasama yang baik kepada pasukan polis.

Seorang jurucakap polis berkata, serbuan dilakukan hasil maklumat orang awam

dan risikan pasukan polis berhubung kegiatan yang dilakukan lelaki terbabit.

“Polis menemui suspek yang semasa itu dikatakan sedang leka membungkus



SUSPEK (bertutup muka) yang ditahan polis di sebuah pangsapuri di Jelutong, George Town kelmarin.

dadah di dalam salah satu bilik tidur rumah yang di-huninya.

“Hasil pemeriksaan lanjut ke atas suspek, polis turut menemui sepucuk

pistol semi automatik bersama beberapa butir peluru yang disembunyikan di dalam rumah itu,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di lokasi kejadian semalam.

Menurutnya, berat bagi kesemua dadah yang dirampas belum dapat dipastikan lagi, namun pihaknya menganggarkan dadah berkenaan bernilai hampir RM3 juta.

Turut disita adalah sebuah motosikal berkuasa tinggi jenis Kawasaki milik lelaki terbabit yang diletakkan di aras bawah pangsapuri berkenaan.

Suspek kini ditahan di IPK Pulau Pinang untuk siasatan lanjut berhubung kegiatan pengedaran dadah termasuk penglibatan rangkaian sindiket lain.

Sementara itu, Ketua Polis negeri, Datuk Abdul Ghafar Rajab ketika dihubungi turut mengesahkan rampasan dadah dan tangkapan suspek.